

**Struktur Pasaran, Gelagat Firma dan Prestasi Keuntungan Firma
Insurans Am di Malaysia pada Tahun 1970 hingga Tahun 2012**
*(Market Structure, Firm Behavior and Profit Performance for General Insurance Firm in
Malaysia between 1970 and 2012)*

Mustazar Mansur

(Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia)

Alias Radam

(Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Putra Malaysia)

Nor Ghani Mohd Nor

(Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia)

Rizaudin Sahlan

(Kolej Sastera dan Sains, Universiti Utara Malaysia)

Yuslindal Yaakub

(Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia)

ABSTRAK

Pasaran insurans di Malaysia semakin kompetitif terutamanya apabila berlaku krisis ekonomi dan proses liberalisasi kewangan di Malaysia. Hampir sebahagian besar jumlah firma dalam pasaran insurans am di Malaysia mengalami kerugian setiap tahun. Campurtangan kerajaan melalui BNM dengan membuat perubahan dasar dan peraturan seperti elemen kesolvenan setiap syarikat amat penting bagi meningkatkan tahap keyakinan pemegang insurans di pasaran. Namun, masih terdapat syarikat insurans besar dan tersohor di pasaran terpaksa diambil tindakan untuk dijual atau diambil alih akibat masalah kewangan atau keberhutangan syarikat mereka. Maka, setiap syarikat perlu tahu atau sedar bahawa penguasaan pasaran (penumpuan pasaran) yang tinggi tidak menjamin ketahanan kewangan atau prestasi yang baik pada masa depan. Titik tolak dari permasalahan tersebut, kertas ini mengkaji secara empirik penentu-penentu struktur pasaran dan prestasi keuntungan firma insurans am di Malaysia. Bahagian awal kajian membincangkan kajian-kajian lepas tentang faktor penting yang mengukur perubahan struktur pasaran dan keberuntungan firma dan beberapa petunjuk penting dalam pasaran insurans am. Manakala bahagian analisis kajian menggunakan model struktur yang diwakili oleh dua fungsi utama iaitu fungsi keuntungan dan fungsi struktur pasaran. Model ini dibentuk berasaskan teori organisasi industri iaitu Structure, Conduct and Performance (SCP). Data siri masa bagi tempoh 40 tahun digunakan dalam penganggaran model penentu keuntungan dan produktiviti firma insurans dengan menggunakan kaedah Kuasa Dua Terkecil Dua Peringkat (2SLS). Analisis kajian ini cuba menguji 4 hipotesis utama SCP iaitu hipotesis SCP, hipotesis Relative Market Power (RMP), hipotesis Efficient-Structure (ES) dan hipotesis Market-Power (MP). Dapatan kajian dalam model ini menunjukkan fungsi keuntungan firma insurans am mempunyai hubungan yang positif dan signifikan dengan pendapatan premium, pulangan atas pelaburan dan pusing ganti aset tetap. Manakala, fungsi keuntungan firma mempunyai hubungan negative dan signifikan dengan syer pasaran, pusing ganti jumlah aset dan harga insurans. Fungsi syer pasaran pula mempunyai hubungan yang positif dan signifikan dengan tingkat produktiviti pengurusan firma dan nisbah penumpuan pasaran bagi 10 firma terbesar. Dapat disimpulkan keputusan kajian ini menerima hipotesis SCP tentang peranan nisbah penumpuan pasaran firma dan produktiviti firma. Selain itu, kajian ini turut menerima hipotesis RMP tentang peranan harga di pasaran insurans am di

Malaysia. Hipotesis ES pula disokong oleh keputusan kajian tentang kepentingan produktiviti dan kecekapan firma di pasaran ini.

Kata kunci: Struktur pasaran; gelagat firma; keuntungan; insurans am

ABSTRACT

The insurance industry in Malaysia has been increasingly competitive, especially following the economic crisis and financial liberalization process. In fact, most of the firms in the general insurance industry had suffered losses annually. Government intervention, through BNM, by introducing changes in policies and regulations, such as requirements on company solvency level, were targeted at increasing the confidence level among the insurance holders in the country. However, a large number of renowned insurance companies have taken action for sale or foreclosure due to financial difficulties or indebtedness of their companies. It is important that each company realizes that a high market share (market concentration) does not guarantee financial security or good performance. This paper empirically examines the determinants, such as market structure and profit performance of general insurance companies in Malaysia, to understand the underlying factors affecting their viability. The earlier part of this study discusses factors that measure changes in market structure, profitability and other associated variables. In the analysis part of this study, a two structure model, represented by two main functions, that is, market share function, and profitability function, is used. This model is based on the theory of industrial organization (IO), formally known as Structure, Conduct and Performance (SCP) theory. Time series data for the 40 year period is used for determining the model estimation on market structure and profitability of general insurance firms, using Two Stage Least Square (2SLS) method. There are four main hypotheses, namely the SCP hypothesis, the Relative Market Power (RMP) hypothesis, the Efficient-Structure (ES) hypothesis and the Market-Power (MP) hypothesis, were tested. The findings in this model show that general insurance firms' profit function has a positive and significant correlation with insurers' premium income, returns on investment and fixed assets turnover. As for the profit function of the firm, it has a negative and significant relationship with market share, turnover of total assets and insurance prices. Market share also has a positive and significant relationship with the level of productivity of the firm's management and market concentration ratio for the 10 largest firms. The results of this study are in acceptance of SCP hypothesis on the role of market concentration ratio and productivity of firms. In addition, the findings also support the RMP hypothesis on the role of prices, and ES hypothesis on the importance of productivity and efficiency of firms.

Keywords: Market structure; firm behaviour; profitability; general insurance

PENGENALAN

Industri insurans am di Malaysia telah mengalami perubahan drastik sejak tahun 1978 berikutan perubahan gelagat firma melalui aktiviti penggabungan dan pengambilalihan (M&A) serta perubahan pemilikan syarikat. Perubahan setiap aktiviti ini disebabkan oleh pelbagai faktor dan matlamat tertentu bagi menghadapi cabaran liberalisasi kewangan, keadaan ekonomi dan persaingan sengit antara firma. Pihak kerajaan memainkan peranan mengawalselia aktiviti berkenaan agar ianya tidak mendatangkan kesan negatif terhadap firma kecil atau pengguna di pasaran. Industri ini mula dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia (BNM) pada tahun 1988. Penyeliaan rapi oleh BNM melalui beberapa peraturan baru serta arahan langsung yang merupakan campurtangan kerajaan terhadap pasaran

keuangan bertujuan untuk meningkatkan tahap keyakinan pengguna dan mengurangkan kegagalan pasaran yang wujud. Walaupun industri ini dikawalselia dengan baik oleh Kementerian Kewangan dan BNM sejak zaman merdeka, tetapi masih terdapat beberapa syarikat dalam industri ini yang mengalami kerugian, terpaksa keluar pasaran atau tutup operasi atau diambilalih akibat faktor-faktor luaran yang di luar kawalan.

JADUAL 1(a). Jumlah firma, jumlah firma mengalami kerugian dan keluar pasaran antara tahun 1970 hingga tahun 2000

Tahun	Jumlah Firma Tempatan	Jumlah Firma Asing	Jumlah Firma	Jumlah Firma Rugi	Peratus Firma Kerugian	Jumlah Firma Keluar Pasaran
1970	7	72	79	24	30.38%	0
1971	8	72	80	33	41.25%	0
1972	12	70	82	46	56.10%	2
1973	12	70	82	41	50.00%	0
1974	15	65	80	31	38.75%	5
1975	17	65	82	47	57.32%	0
1976	21	58	79	41	51.90%	7
1977	24	44	68	39	57.35%	9
1978	31	33	64	47	73.44%	3
1979	31	31	62	26	41.94%	0
1980	35	28	63	29	46.03%	0
1981	37	23	60	31	51.67%	2
1982	40	22	62	32	51.61%	2
1983	43	20	63	32	50.79%	2
1984	45	17	62	33	53.23%	3
1985	49	10	59	38	64.41%	3
1986	51	8	59	42	71.19%	0
1987	51	7	58	44	75.86%	0
1988	51	7	58	39	67.24%	0
1989	50	7	57	37	64.91%	0
1990	49	7	56	31	55.36%	2
1991	48	7	55	32	58.18%	0
1992	48	7	55	23	41.82%	0
1993	48	7	55	20	36.36%	0
1994	48	7	55	10	18.18%	0
1995	47	8	55	12	21.82%	1
1996	46	7	53	6	11.32%	1
1997	47	6	53	14	26.42%	0
1998	47	6	53	13	24.53%	0
1999	47	6	53	23	43.40%	0
2000	51	2	53	27	50.94%	0

Sumber: Ubaisui Dari Laporan Tahunan Pelbagai Tahun BNM, Malaysia.

JADUAL 1(b). Jumlah firma, jumlah firma mengalami kerugian dan keluar pasaran antara tahun 2001 hingga tahun 2012

Tahun	Jumlah Firma Tempatan	Jumlah Firma Asing	Jumlah Firma	Jumlah Firma Rugi	Peratus Firma Kerugian	Jumlah Firma Keluar Pasaran
2001	48	2	50	26	52.00%	0
2002	45	2	47	29	61.70%	0
2003	43	2	45	22	48.89%	0
2004	36	2	38	12	31.58%	0
2005	36	2	38	11	28.95%	0
2006	35	2	37	6	16.22%	0
2007	35	2	37	9	24.32%	0
2008	34	2	36	14	38.89%	1
2009	35	2	37	12	32.43%	1
2010	31	0	31	6	19.35%	1
2011	30	0	30	4	13.33%	1
2012	27	0	27	5	18.52%	0

Sumber: Ubaisuai Dari Laporan Tahunan Pelbagai Tahun BNM, Malaysia.

Jadual 1(a) dan 1(b) menunjukkan dalam tempoh 26 tahun, lebih daripada 40 peratus syarikat insurans am di Malaysia mengalami kerugian setiap tahun. Semenjak BNM mengambil tugas peranan penyeliaan industri insurans, walaupun banyak aktiviti M&A dijalankan tetapi masih banyak syarikat insurans asing yang ditukar milik sebagai syarikat insurans tempatan. Tujuan penukaran milik ini dijalankan untuk memastikan arah aliran pasaran yang lebih dinamik tetapi terkawal. Sebagai contoh, pada tahun 1990 terdapat 87.5 peratus firma insurans am dimiliki oleh syarikat tempatan, berbanding pada tahun 1970 yang hanya 9 peratus sahaja dimiliki oleh firma tempatan. Apabila jumlah syarikat asing dikurangkan, maka kuasa campurtangan kerajaan melalui BNM lebih tinggi dan semakin berkesan. Selain itu, walaupun struktur pasaran industri ini mempunyai kadar penumpuan yang semakin tinggi, namun nilai kecekapan dan prestasi industri ini sejak tahun 1985 sehingga tahun 2009 masih berada dalam keadaan bercampur-campur (Mustazar 2011).

Sepanjang 43 tahun yang dikaji, pasaran ini telah menghadapi kesukaran selama 20 tahun apabila lebih 50 peratus firma mengalami kerugian terutamanya pada tahun-tahun di mana Malaysia dilanda masalah krisis ekonomi. Oleh demikian, kegagalan pasaran dan kegagalan firma ini perlu dikawal agar tahap solvensi setiap firma berada pada tahap yang baik dan seterusnya meningkatkan keyakinan pengguna terhadap perkhidmatan insurans am di Malaysia. Selain daripada campurtangan oleh BNM, ciri-ciri dalaman firma atau gelagat firma turut memainkan peranan penting dalam menentukan halatuju kekukuhan firma dalam jangka panjang. Ini jelas digambarkan oleh ketidaktentuan nilai keuntungan yang diperolehi oleh kebanyakan firma insurans am di Malaysia setiap tahun. Keadaan ini menjadi semakin kritikal apabila nilai tuntutan yang dibuat pelanggan ke atas setiap firma insurans am sangat sukar dijangkakan (Mustazar M. & Rizaudin S. 2010).

Berdasarkan permasalahan kajian di atas, objektif pertama kajian ini adalah untuk mengenalpasti faktor-faktor dalaman firma yang mempengaruhi struktur pasaran atau syer pasaran firma insurans am di Malaysia. Mengikut kerangka teori stuktur-gelagat-prestasi (SCP), struktur pasaran sesebuah firma akan mempengaruhi prestasi firma di pasaran. Objektif kedua pula adalah untuk mengenalpasti faktor-faktor dalaman firma termasuk syer pasaran firma yang mempengaruhi keuntungan firma insurans am di Malaysia. Adalah penting mengenalpasti faktor dalaman firma bagi mengatasi kerugian yang dialami oleh kebanyakan firma insurans am di Malaysia. Di samping itu, faktor deregulasi atau

campurtangan kerajaan turut diuji dalam penentuan struktur pasaran dan prestasi keuntungan firma di pasaran.

KERANGKA TEORITIKAL

Secara teori, margin untung bersih (*net profit margin* - NPM) mempunyai kesan dua hala dengan setiap pembolehubah eksogenus. Semakin tinggi NPM maka semakin baik prestasi firma pada tahun semasa sehingga meningkatkan nisbah bahagian atau syer pasaran (*market share ratio* - MSR) dan seterusnya meningkatkan nisbah penumpuan pasaran (Choi & Weiss 2005). Faktor-faktor yang menyebabkan firma beroperasi cekap dan memperoleh untung lebih tinggi dalam jangka panjang akan berupaya menjana pendapatan premium firma dan pendapatan pelaburan tambahan tanpa penggunaan sumber berlebihan (Diacon, Starkey & O'Brien 2002). Berger (1995) pula mengatakan terdapat kajian lain yang menguji hipotesis *Market-Power* (MP) bertujuan untuk melihat hubungan *inverse-loss ratio* (ILR) dengan nisbah penumpuan atau/dan MSR tanpa pembolehubah kecekapan. Keputusan kajian menunjukkan harga merupakan perkara yang kurang digemari oleh pengguna. Ini kerana tingkat harga yang relatifnya tinggi kepada pengguna akan dikenakan oleh firma yang berada di pasaran mempunyai nisbah penumpuan (CR) tinggi atau memiliki syer pasaran (MSR) besar.

Jeungbo (2007) menyatakan apabila harga sesuatu produk diturunkan, firma akan menguasai MSR yang lebih tinggi maka untung firma akan meningkat. Sebaliknya, Cummins dan Weiss (2000) menjelaskan jika firma cekap memperoleh MSR yang besar, maka harga produk atau perkhidmatan dapat diturunkan dan jumlah keuntungan akan meningkat. Keadaan ini disebabkan oleh perubahan kuantiti yang meningkat lebih besar atau nilai keanjalan produk tersebut adalah lebih anjal. Manakala Berger (1995) pula mengatakan firma yang cekap mampu meletakkan harga yang lebih rendah dan lebih disukai pengguna, maka ini dapat menarik ramai pelanggan dan memperoleh MSR yang besar sehingga meningkat jumlah untung dalam jangka masa panjang. Rossazana, Farhana dan Nur-Zaimah (2013) mengatakan CR yang lebih tinggi dalam persaingan pasaran yang rendah membolehkan firma meletakkan harga lebih tinggi akan menjana untung tinggi.

Secara teori, semakin tinggi MCR maka semakin tinggi keuntungan firma dalam pasaran. Ini kerana jumlah firma-firma besar di pasaran yang secara relatifnya kecil mampu membuat pakatan sulit (*collusion*) di pasaran untuk menentukan harga yang tinggi. Penentuan harga yang tinggi di pasaran boleh menjana keuntungan yang tinggi (Bajtelmsmit & Bouzouita 1998a). Hipotesis SCP menunjukkan terdapat hubungan positif antara penumpuan dengan prestasi firma di pasaran (Choi & Weiss 2005). Shri, Nor Ghani dan Zainuddin (2004) pula berjaya membuktikan bahawa sesebuah firma besar lebih cenderung membuat lebih banyak aktiviti pengiklanan kerana firma ini telah menguasai syer pasaran yang besar. Ini akan meningkatkan halangan kebebasan keluar masuk firma lain ke pasaran. Oleh itu, tingkat CR yang tinggi akan meningkatkan darjah kebergantungan dan kecekapan pakatan antara firma. Ini menjangkakan CR akan memberi kesan positif ke atas margin keuntungan industri. Terdapat banyak kajian lepas dalam bidang organisasi industri menemui hubungan positif antara ukuran struktur pasaran iaitu nisbah syer pasaran dengan keuntungan firma di pasaran (Berger 1995).

Mengikut teori, kecekapan atau produktiviti firma yang tinggi juga mampu menjana keuntungan firma yang besar. Menurut Demsetz (1973) keadaan ini digambarkan oleh hipotesis *Efficient-Structure* (ES) yang mana hipotesis ES mencabar hipotesis SCP dengan membuktikan firma yang cekap atau produktif mampu mengenakan harga yang lebih rendah berbanding pesaing sehingga boleh mencapai tingkat syer pasaran atau sewa ekonomi yang lebih besar. Peningkatan syer pasaran dan sewa ekonomi akan meningkatkan penumpuan

pasaran (Choi & Weiss 2005). Ward dan Zurbruegg (2002) mengatakan kos latihan ke atas *directs agents* dalam firma insurans hayat adalah tinggi, maka kecekapan kos firma membolehkan firma mengenakan harga lebih rendah dan memperoleh untung lebih tinggi.

Hipotesis MP menunjukkan harga mempunyai hubungan positif dengan CR. Ini kerana lebih mudah firma berpakat atau mengikut tindakan firma dominan, apabila jumlah firma semakin kecil atau CR yang semakin besar (Clarke, Stephen & Waterson 1984). Selain itu, aktiviti M&A akan mengakibatkan CR meningkat dan seterusnya akan meningkatkan tingkat keuntungan dalam pasaran yang mempunyai halangan kemasukan (Evanoff & Fortier 1988). Malah aktiviti M&A juga dikatakan akan mengakibatkan tingkat kecekapan sesebuah firma meningkat dengan mengurangkan kos dan meningkatkan tingkat keuntungan dalam pasaran yang mempunyai halangan kemasukan (Fenn et al. 2008). Aktiviti pengambilalihan turut akan meningkatkan kos pemasaran bagi memperkenalkan atau membentuk jenama dikenali ramai (Klumpes 2007). Ini menunjukkan terdapat empat hipotesis utama yang telah mengaitkan tingkat prestasi firma dengan beberapa pembolehubah lain seperti kecekapan, harga, penumpuan pasaran dan syer pasaran.

SPESIFIKASI MODEL

Model struktur yang dibentuk mengandungi dua persamaan atau fungsi yang mengukur darjah hubungan prestasi atau keuntungan firma serta bahagian atau syer pasaran sesebuah firma dengan pembolehubah bebas yang lain. Spesifikasi model struktur ini diadaptasi dan diubahsuai berasaskan kepada Weiss dan Choi (2008) dan Erlangung (2008).

Fungsi keuntungan yang mewakili prestasi sesebuah firma insurans am dalam model ini diadaptasi dan diubahsuai berasaskan kepada Weiss dan Choi (2008) dan Erlangung (2008). Disebabkan kajian ini menggunakan data berbentuk panel, iaitu kombinasi antara data keratan rentas bagi empat belas buah firma dan data siri masa bagi tahunan bermula tahun 1970 hingga 2000, maka bentuk fungsi keuntungan firma yang digunakan dalam kajian ini adalah:

$$InPRT_{it} = \alpha_0 + \alpha_1 InPRE_{it} + \alpha_2 InMSR_{it} + \alpha_3 InLPR_{it} + \alpha_4 InMPR_{it} + \alpha_5 InROI_{it} + \alpha_6 InROA_{it} + \alpha_7 InTAT_{it} + \alpha_8 InFAT_{it} + \alpha_9 InILR_{it} + \alpha_{10} InDER_{it} + \epsilon_{it}$$

yang mana;

- PRT_{it} = keuntungan setiap firma insurans am
- PRE_{it} = pendapatan premium insurans setiap firma
- MSR_{it} = bahagian pasaran setiap firma
- LPR_{it} = nisbah produktiviti buruh setiap firma
- MPR_{it} = nisbah produktiviti pengurusan setiap firma
- ROI_{it} = nisbah pulangan atas pelaburan setiap firma
- ROA_{it} = nisbah pulangan atas aset setiap firma
- TAT_{it} = pusing ganti jumlah aset firma,
- FAT_{it} = pusing ganti aset tetap
- ILR_{it} = harga produk firma
- DER_{it} = deregulasi, 1= selepas deregulasi oleh BNM,
0= sebelum deregulasi oleh BNM

Keuntungan firma (PRT_{it}) bergantung kepada pendapatan premium (PRE_{it}) yang diperolehi oleh firma melalui polisi baru atau polisi insurans yang perlu diperbaharui setiap tahun oleh setiap pelanggannya di pasaran. Hubungan antara pembolehubah pendapatan

premium terhadap keuntungan firma, PRT_{it} dengan PRE_{it} dijangkakan positif. Ini kerana setiap peningkatan jumlah pendapatan premium yang diperolehi akan dapat meningkatkan jumlah keuntungan firma sekiranya perubahan jumlah kos yang ditanggung oleh firma secara relatifnya lebih rendah.

Hubungan antara pembolehubah MSR_{it} dengan PRT_{it} dijangka positif. Hipotesis RMP menunjukkan firma yang mempunyai syer atau bahagian pasaran yang besar dan kepelbagaian produk yang baik akan mampu menjalankan kuasa pasaran seperti kuasa monopoli ke atas pelanggannya berbanding firma lain (Berger 1995). Malah, kuasa pasaran ini membolehkan firma meletakkan harga yang tinggi sehingga menjana keuntungan lebih normal di pasaran.

Seterusnya, hubungan antara pembolehubah LPR_{it} dengan PRT_{it} juga dijangka positif. Apabila sesebuah firma memiliki buruh yang produktif terutamanya dalam sektor perkhidmatan, maka firma tersebut akan dapat menjana hasil dan seterusnya jumlah keuntungan yang besar setiap tahun (Choi & Weiss 2005). Manakala hubungan antara pembolehubah MPR_{it} dengan PRT_{it} pula dijangka positif. Apabila sesebuah firma memiliki buruh yang produktif terutamanya dalam sektor perkhidmatan, maka firma tersebut akan dapat menjana hasil dan seterusnya jumlah keuntungan yang besar setiap tahun (Choi & Weiss 2005).

Hubungan antara pembolehubah ROA_{it} dan ROI_{it} atau kecekapan firma dengan PRT_{it} juga dijangka positif. Apabila sesebuah firma berjaya menjana jumlah untung daripada aset atau pelaburan yang dimiliki, maka jumlah keuntungan akan meningkat (Diacon et al. 2002). Manakala, hubungan antara pembolehubah TAT_{it} dan FAT_{it} dengan PRT_{it} juga dijangka positif. Apabila sesebuah firma berjaya menjana hasil jualan daripada jumlah aset atau aset tetap yang dimiliki, maka jumlah keuntungan akan meningkat (Choi & Weiss 2005). Selain itu, hubungan yang negatif dijangka akan wujud antara ILR_{it} atau harga dengan PRT_{it} untung firma dalam pasaran yang mempunyai tingkat persaingan tinggi (Clarke et al. 1984). Terakhir sekali, dijangkakan hubungan yang positif turut berlaku antara untung firma iaitu PRT_{it} dengan dasar deregulasi iaitu DER_{it} oleh kerajaan.

Fungsi syer pasaran pula mewakili bahagian pasaran atau penguasaan pasaran oleh sesebuah firma insurans am dalam model ini diadaptasi dan diubahsuai berasaskan kepada Weiss & Choi (2008) dan Erlangung (2008). Bentuk fungsi syer pasaran firma yang digunakan dalam kajian ini adalah

$$\ln MSR_{it} = \alpha_0 + \alpha_1 \ln CR4_{it} + \alpha_2 \ln CR10_{it} + \alpha_3 \ln M\&A1_{it} + \alpha_4 \ln M\&A2_{it} + \alpha_5 \ln M\&A3_{it} + \alpha_6 \ln M\&A4_{it} + \alpha_7 \ln ILR_{it} + \alpha_8 \ln DER_{it} + \epsilon_{it}$$

yang mana;

$CR4_{it}$ = Nisbah penumpuan pasaran bagi 4 firma terbesar

$CR10_{it}$ = Nisbah penumpuan pasaran bagi 10 firma terbesar

$M\&A1_{it}$ = Penggabungan kali pertama, 1 = selepas gabungan
0 = sebelum gabungan

$M\&A2_{it}$ = Penggabungan kali kedua, 1 = selepas gabungan
0 = sebelum gabungan

$M\&A3_{it}$ = Penggabungan kali ketiga, 1 = selepas gabungan
0 = sebelum gabungan

$M\&A4_{it}$ = Penggabungan kali keempat, 1 = selepas gabungan
0 = sebelum gabungan

ILR_{it} = Harga produk firma

DER_{it} = Deregulasi, 1 = selepas deregulasi oleh BNM

0 = sebelum deregulasi oleh BNM

Seterusnya, hubungan antara pembolehubah CR_{it} dengan MSR_{it} juga dijangka positif. Apabila sesebuah firma mempunyai penumpuan pasaran yang tinggi, maka firma boleh berpakat atau meletakkan harga sehingga meningkatkan syer pasaran setiap tahun (Choi & Weiss 2005). Selain itu, aktiviti M&A iaitu $M\&A_{it}$ turut boleh meningkatkan syer pasaran iaitu MSR_{it} sesebuah firma seperti yang dibincangkan dalam kerangka teori di atas.

Seperti fungsi keuntungan, hubungan yang negatif dijangka akan wujud antara ILR_{it} atau harga dengan MSR_{it} atau syer pasaran firma dalam pasaran yang mempunyai tingkat persaingan tinggi (Clarke et al. 1984). Terakhir sekali, dijangkakan hubungan yang positif turut berlaku antara syer pasaran firma iaitu MSR_{it} dengan dasar deregulasi iaitu DER_{it} oleh kerajaan.

JADUAL 2. Ringkasan ujian hipotesis

Hipotesis	Persamaan Diuji	Pembolehubah Diuji	Jangkaan Keputusan
<u>Hipotesis 1 (SCP)</u>			
Keuntungan firma insurans adalah berhubung langsung dengan syer pasaran dan penumpuan pasaran.	Keuntungan Syer Pasaran	Syer Pasaran Penumpuan Pasaran	Pekali Positif Pekali Positif
<u>Hipotesis 2 (RMP)</u>			
Keuntungan dan syer pasaran sesebuah firma insurans adalah berhubung negatif dengan harga.	Keuntungan Syer Pasaran	Harga Harga	Pekali Negatif Pekali Positif
<u>Hipotesis 3a (ES)</u>			
Kecekapan dan produktiviti firma adalah berhubungan positif dengan syer pasaran firma.	Syer Pasaran	Kecekapan Pelaburan Produktiviti Buruh Produktiviti Pengurusan	Pekali Positif
	Syer Pasaran Syer Pasaran		Pekali Positif Pekali Positif
<u>Hipotesis 3b (ES)</u>			
Kecekapan dan produktiviti firma adalah berhubungan positif dengan keuntungan firma.	Keuntungan	Kecekapan Pelaburan Produktiviti Buruh Produktiviti Pengurusan	Pekali Positif
	Keuntungan Keuntungan		Pekali Positif Pekali Positif

Kedua-dua model ini turut diuji bagi melihat kesahihan dan kewajaran kesemua hipotesis yang dijelaskan dalam Jadual 2 di atas. Setiap hipotesis ini mempunyai persamaan dan pembolehubah yang akan diuji yang mana, setiap hipotesis mempunyai penjelasan yang umum tentang kerangka teori SCP seperti dibincangkan sebelum ini. Model akhir yang digunakan dalam kajian ini disenaraikan pada Jadual 3 di bawah.

JADUAL 3. Definisi dan klasifikasi pembolehubah

a) Pembolehubah Endogen	
(i) PRT_{it}	Jumlah keuntungan firma (RM/tahun)
(ii) MSR_{it}	Bahagian pasaran firma (%)
b) Pembolehubah Eksogen	
(i) PRE_{it}	Jumlah pendapatan premium terperoleh firma insurans am (RM/tahun)
(ii) LPR_{it}	Nisbah pendapatan premium ke atas kos agen insurans firma (%)
(iii) MPR_{it}	Nisbah pendapatan premium ke atas kos pengurusan firma (%)
(iii) ROI_{it}	Nisbah untung bersih ke atas jumlah pelaburan firma (%)

(iv) ROA_{it}	Nisbah untung bersih ke atas jumlah aset firma (%)
(v) TAT_{it}	Pusing ganti jumlah aset firma (kali)
(iv) FAT_{it}	Pusing ganti aset tetap firma (kali)
(v) ILR_{it}	Nisbah kerugian songsang (<i>inverse loss ratio</i>) proksi kepada harga insurans
(vi) DER_{st}	Pembolehubah pepadung (<i>dummy</i>) iaitu perubahan regulasi (<i>deregulation</i>)
(vii) $CR4_{it}$	Nisbah penumpuan pasaran bagi 4 firma terbesar
(viii) $CR10_{it}$	Nisbah penumpuan pasaran bagi 10 firma terbesar
(ix) $M\&A_{it}$	Pembolehubah pepadung (<i>dummy</i>) iaitu aktiviti M&A setiap firma

SUMBER DATA

Data tahunan bagi tempoh 1970 hingga 2012 digunakan dalam kajian ini. Sumber data asas yang digunakan untuk penganggaran model ekonometrik diperolehi daripada Laporan Tahunan Insurans di Malaysia, BNM dalam pelbagai tahun. Data tersebut dipersembahkan dalam bentuk ringkasan Laporan Kewangan setiap firma insurans am sama ada kunci kira-kira atau penyata pendapatan yang telah diubahsuai bagi memenuhi setiap pembolehubah di atas. Data pepadung pula diperolehi dalam ringkasan kes atau jadual aktiviti M&A yang wujud setiap tahun dan disemak dengan kedudukan kewangan firma dalam laporan kewangan tahunan.

KEPUTUSAN KAJIAN

Bahagian ini melaporkan keputusan simulasi yang dilakukan berasaskan model struktur yang telah dianggar dan spesifikasi akhir yang dipilih (Jadual 3). Simulasi ini menggunakan kaedah 2SLS untuk menguji hipotesis ES untuk tujuan penilaian dasar, khususnya menganalisis hubungan antara struktur pasaran, gelagat firma dengan prestasi firma atau SCP di pasaran insurans am di Malaysia.

Sebelum menjalankan 2SLS ke atas fungsi keuntungan dan fungsi syer pasaran, ujian identifikasi atau ujian pengecaman telah dijalankan. Keputusan ujian pengecaman menunjukkan;

$$\begin{aligned} \text{Fungsi Keuntungan (1): } K - M &= 18 - 11 = G - 1 = 2 - 1 && 7 > 1 \text{ (lebih cam)} \\ \text{Fungsi Syer Pasaran (2): } K - M &= 18 - 9 = G - 1 = 2 - 1 && 9 > 1 \text{ (lebih cam)} \end{aligned}$$

Hasil daripada ujian pengecaman ini, maka penganggaran parameter dari kedua-dua fungsi tersebut dapat dilakukan melalui 2SLS. Berikut adalah bentuk terturun bagi kedua-dua fungsi berikut;

$$\begin{aligned} \ln PRT_{it} = & 0 + {}_1\ln PRE_{it} + {}_2\ln MSR_{it} + {}_3\ln LPR_{it} + {}_4\ln MPR_{it} + {}_5\ln ROI_{it} + {}_6\ln ROA_{it} + \\ & {}_7\ln TAT_{it} + {}_8\ln FAT_{it} + {}_9\ln CR4_{it} + {}_{10}\ln CR10_{it} + {}_{11}\ln M\&A1_{it} + {}_{12}\ln M\&A2_{it} + {}_{13}\ln M\&A3_{it} \\ & + {}_{14}\ln M\&A4_{it} + {}_{15}\ln ILR_{it} + {}_{16}\ln DER_{it} + it \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \ln MSR_{it} = & 0 + {}_1\ln PRE_{it} + {}_2\ln LPR_{it} + {}_3\ln MPR_{it} + {}_4\ln ROI_{it} + {}_5\ln ROA_{it} + {}_6\ln TAT_{it} + \\ & {}_7\ln FAT_{it} + {}_8\ln CR4_{it} + {}_9\ln CR10_{it} + {}_{10}\ln M\&A1_{it} + {}_{11}\ln M\&A2_{it} + {}_{12}\ln M\&A3_{it} + \\ & {}_{13}\ln M\&A4_{it} + {}_{14}\ln ILR_{it} + {}_{15}\ln DER_{it} + it \end{aligned}$$

Maka, hasil daripada bentuk terturun ini dapat dilihat bahawa pembolehubah endogen adalah pembolehubah keuntungan dan syer pasaran, sedangkan pembolehubah lain merupakan pembolehubah eksogen.

Simulasi ini bertujuan untuk melihat sejauh manakah hubungan setiap pembolehubah-pembolehubah eksogenus dan endogenus dalam menerangkan kerangka teori ekonomi

industri bagi pasaran ini bagi tempoh penganggaran iaitu 1970 - 2012. Suatu persamaan yang dianggar mempunyai beberapa kriteria yang baik: Nilai R-square yang tinggi; nisbah-nisbah-t yang sangat signifikan; tanda pekali konsisten dengan jangkaan teori ekonomi industri; tiada masalah endogeniti, autokolerasi dan heteroskedastisiti dan sebagainya.

JADUAL 4. Keputusan penganggaran 2SLS

Pembolehubah	Fungsi Keuntungan	Fungsi Syer Pasaran
C	-1.273748 (-13.03211)***	4.127752 (19.40251)***
$\ln PRE_{it}$	0.512262 (14.25981)***	
$\ln MSR_{it}$	-0.16377 (-3.841634)***	
$\ln LPR_{it}$	0.120887 (2.197476)**	
$\ln MPR_{it}$	-0.079928 (-1.004457)	
$\ln ROI_{it}$	2.130898 (32.83739)***	
$\ln ROA_{it}$	-0.271792 (-3.154911)***	
$\ln TAT_{it}$	-0.284125 (-3.891807)***	
$\ln FAT_{it}$	0.029646 (1.143505)	
$\ln ILR_{it}$	-0.077715 (-1.483340)	-0.484603 (-11.65762)***
DER_{it}	0.097079 (0.863923)	-1.237108 (-25.92272)***
$CR4_{it}$		-20.16401 (-19.44736)***
$CR10_{it}$		7.401183 (8.580402)***
$M\&A1_{it}$		0.217711 (5.025753)***
$M\&A2_{it}$		-0.200219 (-3.293902)***
$M\&A3_{it}$		-0.302078 (-3.628812)***
$M\&A4_{it}$		0.049279 (0.311382)
R ²	0.755176	0.641360
R ² Terselaras	0.754126	0.639975
Statistik D-W	1.379216	1.538476

Nota: () merujuk nilai statistik-t

*** signifikan pada aras keertian 1 peratus

** signifikan pada aras keertian 5 peratus

* signifikan pada aras keertian 10 peratus

Berdasarkan Jadual 4 di atas, fungsi pertama iaitu fungsi keuntungan menunjukkan apabila pertumbuhan pendapatan premium meningkat sebanyak 1 peratus, ini akan meningkatkan keuntungan firma sebanyak 0.512 peratus. Oleh itu, hasil premium memberi kesan yang agak besar ke atas keberuntungan firma insurans am di Malaysia seperti di pasaran insurans am U.S. yang dinyatakan oleh Choi dan Weiss (2005). Premium firma insurans am terdiri daripada beberapa jenis insurans iaitu premium insurans kenderaan bermotor, insurans kebakaran, insurans kejuruteraan, dan pelbagai jenis perlindungan lain.

Premium adalah pendapatan yang terbesar bagi firma insurans, selain pendapatan pelaburan dan pendapatan lain (Diacon et al. 2002). Walaupun pendapatan premium agak konsisten pertumbuhannya setiap tahun, namun faktor dalaman dan luaran firma boleh memberi kesan ke atas pertumbuhan pendapatan premium tahunan. Nilai premium yang diterima bergantung pada nilai aset yang dilindungi. Semakin besar nilai aset pelanggan yang dilindungi, semakin besar nilai premium yang diterima oleh firma insurans am.

Kos yang ditanggung oleh firma insurans bagi setiap premium yang diterima adalah kos tuntutan yang dibuat oleh pelanggan, kos buruh melalui upah dan komisen agen, kos pengurusan dan kos pembelian aset firma. Namun, kos tuntutan insurans merupakan kos yang paling besar ditanggung oleh firma setiap tahun. Bagi memastikan firma sentiasa memperoleh untung positif setiap tahun, firma insurans am perlu memastikan peratusan nilai pendapatan premium yang diterima setiap tahun meningkat lebih besar daripada nilai peratusan tuntutan yang perlu dibayar kepada pelanggan (Choi & Weiss 2005).

Walau bagaimanapun, pembolehubah syer pasaran mempunyai hubungan yang signifikan pada aras keertian sebanyak 1 peratus, di mana setiap pertumbuhan syer pasaran firma sebanyak 1 peratus akan menyebabkan penurunan nilai keuntungan firma sebanyak 0.167 peratus secara purata. Nilai syer pasaran merupakan jumlah premium yang dijana oleh setiap firma dibahagikan dengan jumlah premium seluruh industri insurans am di Malaysia setiap tahun. Ini bermaksud kenaikan syer pasaran atau penguasaan premium sesebuah firma akan menurunkan keuntungan firma pada satu-satu tahun. Bagi firma yang mempunyai syer pasaran tinggi pasti memerlukan tambahan kos atau jumlah perbelanjaan yang jauh lebih besar bagi memastikan peningkatan reputasi atau tahap perkhidmatan seiring dengan peningkatan syer pasaran tersebut (Choi & Weiss 2005). Oleh itu, elemen kos tambahan ini akan menyebabkan margin keuntungan firma merosot. Secara kesimpulannya, setiap peningkatan syer pasaran dalam industri insurans am akan menyebabkan setiap firma perlu menanggung tambahan kos sehingga mengakibatkan penurunan dalam nilai keuntungan firma.

Pembolehubah produktiviti buruh pula menunjukkan hubungan yang signifikan dengan keuntungan yang mana peningkatan produktiviti buruh sebanyak 1 peratus menyebabkan keuntungan firma turut meningkat sebanyak 0.12 peratus secara purata. Produktiviti buruh ini berkait rapat dengan nilai hasil firma yang dijana bagi setiap nilai komisen agen insurans yang dibelanjakan oleh firma insurans (Choi & Weiss 2005). Sektor perkhidmatan amat bergantung kepada faktor buruh yang menyediakan perkhidmatan sesebuah firma. Semakin cekap seseorang agen insurans di pasaran, maka semakin baik reputasi firma tersebut di pasaran. Secara tidak langsung ini akan meningkatkan hasil firma dan pendapatan premium firma ini. Reputasi firma insurans am agak berbeza dengan firma insurans hayat, ini kerana insurans hayat mementingkan kecekapan agen insurans atau produktiviti buruh untuk mendapatkan pelanggan atau pembeli polisi baru. Semakin banyak polisi baru dapat diwujudkan di pasaran, semakin tinggi keuntungan firma dalam jangka panjang. Selain itu, faktor kekerapan tuntutan insurans hayat yang lebih rendah berbanding insurans am (BNM 2011) membezakan faktor keuntungan antara firma insurans am dengan insurans hayat di pasaran.

Aktiviti agen insurans hayat lebih kecil jumlahnya apabila pelanggan membuat tuntutan kerana kekerapan tuntutan pelanggan amat rendah dan kebanyakan tuntutan insurans hayat dilakukan oleh pengurusan firma, bukan agen insurans. Berbanding insurans am, kecekapan dan keperibadian agen insurans am amat penting kepada pelanggan. Semakin pantas sesuatu tuntutan insurans am dapat diselesaikan, semakin tinggi nilai muhibah serta nama baik firma di pasaran. Oleh itu, agen insurans am yang mempunyai premis perniagaan dan mudah dihubungi akan meningkatkan pembelian polisi baru setiap tahun. Manakala insurans hayat pula hanya perlu diperbaharui atau dibeli sekali sahaja bagi setiap polisi. Selain itu, tuntutan

pemegang insurans am secara relatifnya mempunyai kekerapan yang tinggi berbanding insurans hayat di pasaran kerana kadar kemalangan kenderaan bermotor di Malaysia adalah tinggi berbanding kadar kemalangan insurans hayat di pasaran. Menurut Bajtelsmit dan Bouzouita (1998a) kecekapan agen menguruskan setiap tuntutan perlu dititikberatkan oleh pihak pengurusan firma insurans am. Ini kerana semakin cekap urusan tersebut, semakin rendah kos pengurusan dan kos tuntutan atau penipuan yang wujud di pasaran.

Pembolehubah produktiviti pengurusan menunjukkan hubungan negatif tetapi tidak signifikan dalam mempengaruhi keuntungan firma. Hubungan negatif menunjukkan setiap peningkatan 1 peratus produktiviti pengurusan akan menyebabkan penurunan keuntungan firma sebanyak 0.07 peratus. Produktiviti pengurusan yang meningkat menggambarkan kecekapan firma insurans menjana pendapatan premium dengan kos pengurusan yang sedia ada setiap tahun. Ini bermakna kos pengurusan dalam menyediakan premis atau menyewa premis, kos pengiklanan, kos pengurusan tuntutan dan aktiviti pengurusan lain yang meningkat akan menurunkan keuntungan firma. Kesemua kos tersebut sangat penting bagi memastikan tahap solvensi dan kesediaan sesebuah firma insurans am di pasaran di kalangan pelanggan (Fenn et al. 2008). Jika sebaliknya berlaku, maka tahap keyakinan dan kebolehpercayaan pelanggan akan merosot dalam jangka panjang. Ini sangat penting terutamanya bagi firma yang beroperasi dalam industri perkhidmatan di pasaran. Ini bermakna setiap firma insurans am perlu membuat perbelanjaan yang besar dalam aktiviti publisiti dan peluasan pasaran. Aktiviti publisiti melalui pengiklanan serta penyebaran maklumat melalui agen dapat menghasilkan kelainan bagi sesebuah firma. Ini penting bagi menyakinkan pelanggan terhadap kekukuhan kewangan firma serta kebolehpercayaan produk atau perkhidmatan yang ditawarkan (Brockett et al. 2004). Misalnya, insurans atau produk baru atau penjenamaan syarikat di pasaran akan memberi kesan ke atas keuntungan firma dalam jangka masa panjang. Dengan adanya aktiviti publisiti, produk atau jenama baru firma pasti dapat diperkenalkan dan disebar dengan pantas. Tambahan pula peluasan pasaran melalui pembukaan cawangan baru di lokasi berpotensi tinggi atau melalui teknologi maklumat pasti dapat meningkatkan keuntungan firma dalam jangka masa panjang (Choi & Weiss 2005). Ini adalah jelas dengan tren pembaharuan insurans am melalui internet yang semakin popular dan oleh itu perlu dilaksanakan oleh setiap firma agar tidak ketinggalan di pasaran.

Pulangan atas aset (ROA) merupakan kecekapan sesebuah firma menjanakan keuntungan melalui jumlah aset yang dimiliki oleh firma. Apabila sesebuah firma mengalami kerugian, langkah penjualan aset mungkin menjadi penyelesaian terakhir bagi satu-satu firma bagi menjana keuntungan firma dalam jangka masa pendek. Namun, kecekapan firma menjana keuntungan melalui aset sedia ada lebih bersifat jangka masa panjang atau menjamin keutuhan sesebuah firma terutamanya firma insurans am di pasaran (Choi & Weiss 2005). Walaupun peningkatan pemilikan aset sesebuah firma selalunya ditampung oleh peningkatan liabiliti sesebuah firma, namun pemilikan aset seperti pembelian premis, kenderaan dan aset lain dalam sektor ini amat diperlukan bagi memastikan reputasi dan pengurusan atau operasi sesebuah firma di pasaran melebihi pesaing sedia ada yang lain. Oleh itu, pembelian aset memerlukan kos tambahan yang besar dan akan menyebabkan nilai keuntungan firma berkurangan. Keputusan kajian 2SLS menunjukkan pembolehubah ini adalah signifikan mempengaruhi keuntungan pada aras keertian 1 peratus. Pekali yang diperolehi menunjukkan setiap peningkatan 1 peratus dalam ROA akan menurunkan pertumbuhan keuntungan firma sebanyak 0.272 peratus secara purata setiap tahun.

Keadaan yang sebaliknya berlaku antara kadar pulangan atas pelaburan (ROI) dengan keuntungan firma insurans am. Analisis mendapati ROI adalah signifikan dalam mempengaruhi keuntungan pada aras keertian 1 peratus dan pekali diperolehi menunjukkan setiap peningkatan 1 peratus dalam ROI akan menyebabkan peningkatan keuntungan firma di

pasaran sebanyak 2.13 peratus secara purata. Ini menunjukkan keuntungan yang dijana bagi setiap pelaburan yang dibuat akan menghasilkan peningkatan keuntungan firma insurans am di pasaran. Ini bermakna setiap aktiviti pelaburan yang dijalankan oleh firma insurans am penting kerana mendatangkan keuntungan positif ke atas firma ini. Setiap pelaburan yang dilakukan seperti aktiviti pelaburan hartanah, pembelian sekuriti dan aktiviti pelaburan lain sangat penting untuk menjana keuntungan melalui pendapatan pelaburan. Malah, pendapatan pelaburan adalah sumbangan kedua penting selepas pendapatan premium bagi setiap firma insurans am di pasaran.

Berbeza dengan ROA, TAT atau pusing ganti jumlah aset merupakan kecekapan sesebuah firma menjanakan hasil jualan atau hasil perkhidmatan melalui jumlah aset yang dimiliki oleh firma. Keputusan analisis antara hubungan TAT dan keuntungan firma berbeza dengan keputusan hubungan FAT dan keuntungan firma. Kesan negatif TAT ke atas keuntungan menunjukkan penjana hasil atau pendapatan premium melalui jumlah aset ke atas perubahan keuntungan adalah berhubung songsang dan signifikan pada aras keertian 1 peratus. Ini bermakna setiap peningkatan TAT akan menurunkan nilai keuntungan firma. Dengan kata lain, jumlah aset yang merangkumi aset semasa yang kurang cair menyebabkan penjana hasil adalah lebih perlahan atau memberi kesan negatif ke atas hasil sesebuah firma. Aset semasa seperti akaun belum terima atau hutang pelanggan, tunai dan sekuriti boleh pasar telah menjadi penghalang kepada sesebuah firma dalam jangka masa pendek untuk menghasilkan keuntungan melalui pendapatan premium yang dijana. Keputusan regresi menunjukkan penemuan yang sama iaitu peningkatan TAT sebanyak 1 peratus akan menurunkan keuntungan sebanyak 0.284 peratus secara purata.

Manakala FAT atau pusing ganti aset tetap merupakan kecekapan sesebuah firma menjanakan hasil jualan atau hasil perkhidmatan melalui aset tetap yang dimiliki oleh firma. Aset tetap firma insurans am seperti pemilikan premis, kenderaan dan aset tetap lain mempunyai peranan atau fungsi tersendiri dalam sektor ini. Sebagai contoh, pemilikan bangunan tersergam oleh firma insurans am boleh menghasilkan kesan jangka masa panjang di pasaran. Ini kerana firma insurans am yang mempunyai bangunan yang besar dan tinggi dapat memberi gambaran tentang betapa kukuhnya sesebuah firma insurans am di sesebuah negara. Selain itu, aset seperti kenderaan oleh firma ini pula dapat meluaskan pasaran sesebuah firma melalui penyebaran jenama dengan meletakkan nama firma pada kenderaan tersebut atau memberi perkhidmatan secara meluas terutamanya di kawasan pendalaman. Namun, kos pembelian aset tetap yang tinggi menyebabkan kesan positif oleh FAT terhadap keuntungan firma adalah tidak signifikan dan nilai pekali menunjukkan peningkatan FAT sebanyak 1 peratus meningkatkan keuntungan sebanyak 0.03 peratus sahaja.

Pembolehkan deregulasi atau perubahan peraturan oleh pihak BNM pula adalah tidak signifikan mempengaruhi keuntungan dan nilai pekali menunjukkan peningkatan keuntungan yang positif sebanyak 0.097 peratus secara purata akibat peningkatan 1 peratus aktiviti deregulasi. Aktiviti deregulasi amat penting dalam sektor insurans am ini agar kebajikan pelanggan dan kedudukan firma di pasaran dilindungi serta dikawal (Cummins & Weiss 2004).

Kenaikan harga menyebabkan keuntungan firma merosot. Ini kerana nilai keanjalan permintaan perkhidmatan insurans am di Malaysia adalah anjal di mana, setiap kenaikan harga akan menyebabkan kemerosotan kuantiti perkhidmatan yang diminta yang lebih besar. Dengan andaian jumlah kos yang malar, kemerosotan kuantiti yang diminta yang lebih besar berbanding kenaikan harga akan mengakibatkan jumlah hasil perkhidmatan turut merosot. Seterusnya, ini akan menyebabkan keuntungan firma turut merosot.

Merujuk kepada fungsi kedua dalam Jadual 4, fungsi syer pasaran menunjukkan pembolehkan CR merupakan nisbah penumpuan sesebuah pasaran mengikut jumlah firma. Jika CR10 dikaji maka peningkatan penumpuan pasaran oleh 10 buah firma terhadap

pendapatan premium sebanyak 1 peratus akan menyebabkan pertumbuhan syer pasaran sektor ini turut meningkat sebanyak 7.40 peratus setiap tahun secara purata, dan pembolehubah ini menunjukkan hubungan yang signifikan pada aras keertian 1 peratus. Apabila nisbah penumpuan meningkat, ini akan menggalakkan aktiviti pakatan antara firma besar yang mana akan mewujudkan kuasa monopoli di pasaran. Dengan kuasa monopoli ini, firma besar yang berpakat ini akan menguasai pasaran melalui aktiviti pengiklanan, ekonomi bidangan, penggunaan teknologi serta elemen lain yang menjadi penyebab kepada aktiviti monopoli (Bajtelsmit & Bouzouita 1998b). Oleh kerana itu, peningkatan penumpuan pasaran firma setiap tahun akan menyebabkan syer pasaran turut meningkat.

Berbeza dengan CR10, hubungan negatif wujud antara peningkatan pertumbuhan CR4 dengan pertumbuhan syer pasaran dan hubungan kedua-duanya adalah signifikan pada aras keertian 1%. Ini bermakna semakin meningkat pertumbuhan CR4 di pasaran, semakin berkurangan syer pasaran. Perbezaan kesan antara CR4 dengan CR10 menunjukkan pasaran insurans am mempunyai tingkat persaingan yang lebih tinggi. Maka penguasaan pasaran oleh sebilangan kecil firma besar gagal meningkatkan syer pasaran melalui aktiviti pakatan atau kuasa monopoli. Rossazana et al. (2013) menyatakan CR yang lebih tinggi di pasaran persaingan yang lebih rendah membolehkan firma meletakkan harga lebih tinggi. Keupayaan tersebut boleh meningkatkan syer pasaran di pasaran ini kerana secara relatifnya pasaran ini mempunyai keanjalan permintaan yang kurang anjal. Oleh itu, pakatan atau penumpuan pasaran dengan bilangan firma yang lebih besar merupakan penentu kejayaan sekumpulan firma di pasaran (Shri et al. 2004). Keadaan ini dibuktikan oleh keputusan kajian yang negatif antara pertumbuhan CR4 dengan pertumbuhan syer pasaran sebanyak 20.16 peratus.

Aktiviti pergabungan dan pengambilalihan (M&A) dibenarkan apabila BNM merasakan firma yang diambilalih atau digabungkan mempunyai alasan tersendiri pada satu-satu masa tertentu. Misalnya, apabila sesebuah firma insurans am di pasaran mengalami kerugian dalam satu tempoh tertentu maka BNM akan membenarkan firma lain untuk bertindak mengambilalih atau bergabung dengan firma tersebut agar masalah kewangan atau kedudukan firma itu dapat diselamatkan. Selain itu, firma yang mempunyai tingkat kecekapan atau kepakaran yang rendah di pasaran, turut digalakkan untuk bergabung dengan firma lain yang lebih berpengalaman atau lebih cekap (Berger 1995). Keputusan kajian menunjukkan aktiviti M&A kali pertama adalah signifikan pada aras keertian 1 peratus dan mendatangkan kesan positif ke atas peningkatan syer pasaran sektor ini. Penggabungan kali pertama yang berlaku menyebabkan wujud perbezaan positif sebanyak 0.217 bagi syer pasaran berbanding dengan sebelum penggabungan.

Walau bagaimanapun, peningkatan aktiviti M&A untuk kali kedua akan menurunkan syer pasaran firma insurans am yang mana hubungan ini juga signifikan pada aras keertian 1 peratus. Kajian menunjukkan aktiviti M&A kali kedua akan mewujudkan perbezaan negatif sebanyak 0.20 bagi syer pasaran berbanding dengan sebelum gabungan kali kedua. Menurut Berger (1995), aktiviti M&A yang terlalu kerap bagi sesebuah firma insurans am boleh mendatangkan kesan negatif tentang kekukuhan firma atau memerlukan jangka masa tertentu untuk terus bersaing atau dikenali semula di pasaran. Sekiranya firma besar yang sememangnya kukuh di pasaran telah menjalankan aktiviti ini, dan membuat penjenamaan semula seperti menukar nama syarikat¹, adalah pasti memerlukan masa untuk dikenali semula. Manakala firma tempatan yang diambil alih oleh firma insurans asing kerana mengalami masalah kewangan pasti memerlukan publisiti tertentu untuk meningkatkan reputasi syarikat di pasaran dan seterusnya meningkatkan syer pasaran sektor ini. Namun begitu, terdapat juga aktiviti M&A yang menemui kegagalan kerana berlaku ketidakserasian antara kedua-dua firma di pasaran.

Keadaan yang sama turut berlaku dalam aktiviti M&A kali ketiga yang signifikan pada aras keertian 1 peratus. Didapati penggabungan kali ketiga yang berlaku menyebabkan

wujudnya perbezaan negatif berbanding sebelum penggabungan sebanyak 0.3 bagi syer pasaran. Walau bagaimanapun, hubungan aktiviti M&A kali keempat dengan pertumbuhan syer pasaran pula menunjukkan hubungan yang positif tetapi tidak signifikan.

Kajian juga menunjukkan hubungan yang signifikan pada aras keertian 1 peratus antara deregulasi oleh BNM dengan syer pasaran. Pekali menunjukkan wujud perbezaan negatif sebanyak 1.237 bagi syer pasaran selepas deregulasi oleh BNM berlaku. Syer pasaran adalah penguasaan pendapatan premium insurans am sesebuah firma di pasaran. Oleh itu setiap campurtangan BNM melalui perubahan peraturan, misalnya mengetatkan syarat solvensi atau penubuhan firma, boleh memberi kesan ke atas jumlah pendapatan premium dalam satu-satu tempoh tertentu (Boonyasai et al. 2002).

Keputusan kajian menunjukkan setiap peningkatan harga atau *inverse loss ratio* akan mengurangkan pertumbuhan syer pasaran dan hubungan ini adalah signifikan pada aras keertian 1 peratus. Kajian mendapati peningkatan 1 peratus pertumbuhan harga akan mengurangkan 0.484 peratus pertumbuhan syer pasaran secara purata. Ini menunjukkan penurunan syer pasaran lebih kecil daripada kenaikan harga di pasaran. Oleh itu, produk atau perkhidmatan insurans am di Malaysia antara tahun 1970 hingga tahun 2012 mempunyai tingkat persaingan yang tinggi kerana kenaikan harga akan mengurangkan syer pasaran sesebuah firma.

Berdasarkan keputusan 2SLS di atas, hasil kajian menerima hipotesis SCP yang pertama dalam jadual 2 tetapi wujud hubungan negatif antara syer pasaran dengan keuntungan firma. Manakala dalam fungsi kedua, wujud hubungan positif antara nisbah penumpuan pasaran dengan syer pasaran. Bagi hipotesis kedua iaitu hipotesis RMP pula, keputusan kajian menunjukkan wujudnya hubungan negatif antara syer pasaran dengan keuntungan firma. Dalam fungsi kedua pula, menunjukkan hubungan negatif yang signifikan antara syer pasaran dengan harga produk. Maka, kajian ini menyokong kedua-dua hipotesis tersebut iaitu hipotesis SCP dan RMP.

Hipotesis ES juga disokong oleh kajian ini di mana terdapatnya hubungan yang negatif antara kecekapan aset firma iaitu ROA dan positif bagi kecekapan pelaburan iaitu ROI dengan keuntungan firma. Manakala, keputusan kajian menunjukkan wujudnya hubungan negatif antara produktiviti pengurusan dengan keuntungan firma tetapi hubungan positif dengan produktiviti buruh. Maka, kajian ini turut menyokong kedua-dua hipotesis ketiga.

KESIMPULAN DAN IMPLIKASI DASAR

Kajian ini melihat kesan empirikal hubungan antara gelagat firma, struktur pasaran dengan prestasi firma dalam pasaran insurans am di Malaysia. Model ini dibentuk dan dianggar untuk memenuhi dua tujuan iaitu analisis struktur dan penilaian prestasi firma. Keputusan kajian model 2 menunjukkan hubungan antara CR10 dengan struktur pasaran adalah positif dan signifikan. Dengan demikian, hipotesis kajian 1 iaitu hipotesis SCP yang menyatakan firma yang beroperasi dalam pasaran yang mempunyai CR10 akan meningkatkan syer pasaran dan seterusnya mempengaruhi struktur pasaran telah terbukti. Penemuan kajian ini memberikan beberapa implikasi penting kepada pengurusan dan pihak kerajaan umumnya dan secara khusus kepada BNM.

Pihak pengurusan firma perlu memberi perhatian kepada kesan yang berbeza di antara aktiviti M&A ke atas struktur pasaran dengan M&A1 dan M&A4 dengan M&A2 dan M&A3. Apabila aktiviti M&A dijalankan, maka firma yang bergabung atau diambilalih akan dapat meningkatkan syer pasaran dan seterusnya meningkatkan kuasa pasaran dan produktiviti atau kecekapan mereka di pasaran. Aktiviti ini mempunyai kesan berbeza mengikut tahap aktiviti M&A yang dijalankan. Firma yang menjalankan M&A kali pertama akan menyebabkan syer pasaran firma akan meningkat positif. Keadaan ini disebabkan kedudukan kewangan firma

yang menjalankan M&A lebih diyakini dan memberi kesan positif kepada pelanggan di pasaran. Namun, aktiviti M&A kali kedua dan ketiga memberi hubungan yang negatif dan signifikan ke atas syer pasaran firma. Ini menunjukkan aktiviti yang berulang boleh memberi kesan negatif ke atas sesebuah firma tentang kekuatan kewangan dan reputasi buruk di pasaran.

Pihak pengurusan firma juga perlu meneliti dasar pengurusan sedia ada berkaitan harga berikutan dapatan kajian mendapati perubahan tingkat harga memberi hubungan negatif ke atas syer pasaran sesebuah firma di pasaran. Menurut hipotesis RMP, firma yang mempunyai syer pasaran tinggi berupaya meningkatkan kuasa pasaran dengan meningkatkan harga produk mereka. Namun, kenaikan harga yang berlaku lebih besar daripada kejatuhan kuantiti produk yang wujud. Seterusnya, keadaan ini dapat meningkatkan jumlah hasil firma dan seterusnya akan meningkatkan keuntungan mereka di pasaran. Hubungan negatif dan signifikan antara harga dengan syer pasaran sesebuah firma ini telah membuktikan hipotesis 2 iaitu RMPH adalah terbukti wujud di pasaran ini.

Hasil kajian ini menunjukkan keberkesanan dasar deregulasi BNM yang telah dilaksanakan dalam sektor perkhidmatan insurans. Deregulasi yang berlaku di pasaran insurans am oleh BNM mempunyai pelbagai tujuan dan sebab tertentu. Daripada keputusan kajian yang telah dilakukan, jelas menunjukkan bahawa aspek deregulasi berperanan secara signifikan ke atas syer pasaran sesebuah firma. Di mana, aspek deregulasi ini secara signifikan akan mengurangkan syer pasaran agar BNM dapat mengawal gelagat firma di pasaran serta tingkat persaingan yang lebih sihat. Peranan BNM untuk mengawal selia pasaran ini sangat penting supaya tingkat kebajikan pelanggan dapat dipelihara² dan kepentingan firma kecil ataupun tempatan dapat dilindungi.

Prestasi keuntungan dan produktiviti syarikat-syarikat insurans am adalah teras utama kepada produktiviti pengurusan. Apabila sesebuah firma mencapai tingkat produktiviti atau kecekapan yang tinggi, ia akan memberi hubungan positif ke atas syer pasaran sesebuah firma di pasaran. Menurut hipotesis ES, aspek kecekapan atau produktiviti sesebuah firma akan memberi kesan positif ke atas syer pasaran sesebuah firma di pasaran. Daripada kajian yang telah dilakukan, aspek kecekapan firma menjana hasil melalui pelaburan iaitu ROI adalah positif. Maka, keputusan kajian ini telah menyokong ESH yang menyatakan kecekapan firma dapat meningkatkan syer pasaran sesebuah firma.

Di samping itu, aspek produktiviti firma melalui MPR turut menunjukkan wujudnya hubungan yang positif bagi MPR ke atas syer pasaran firma. Keputusan ini telah menyokong ESH yang menyatakan produktiviti firma yang tinggi akan dapat mengurangkan kos firma dan seterusnya firma berupaya mengenakan harga yang disukai pelanggan untuk mendapat syer pasaran yang tinggi.

Keuntungan firma ditentukan melalui jumlah kos yang ditanggung serta jumlah hasil yang dapat dijana oleh sesebuah firma. Oleh itu, SCPH dan RMPH menyatakan wujud hubungan positif antara syer pasaran dengan keuntungan firma di pasaran. Keadaan ini telah dibuktikan oleh hubungan yang positif dan signifikan antara pertumbuhan premium terperoleh syarikat insurans am dengan keuntungan firma di pasaran.

Namun, keputusan kajian menolak SCPH dan RMPH kerana wujud hubungan negatif dan signifikan antara syer pasaran dengan keuntungan firma. Peningkatan syer pasaran akan menyebabkan kadar pertumbuhan keuntungan firma merosot. Oleh itu, aspek syer pasaran bukan faktor yang akan meningkatkan keuntungan firma tetapi terdapat faktor lain seperti jumlah kos atau tingkat produktiviti sesebuah firma.

Keputusan kajian yang telah dijalankan menunjukkan produktiviti buruh firma insurans am (LPR) memberi kesan positif dan signifikan ke atas keuntungan firma. Ini bermakna, keputusan kajian telah menyokong ESH. Manakala produktiviti pengurusan firma (MPR) menunjukkan hubungan negatif yang tidak signifikan ke atas keuntungan firma.

Di samping itu, keputusan kajian menunjukkan hubungan positif dan signifikan antara kecekapan firma ke atas pelaburan (ROI) yang dibuat ke atas keuntungan firma. Maka, keputusan ini telah menyokong ESH yang menyatakan kecekapan pelaburan berhubung dengan positif dengan keuntungan firma dan hubungan negatif dengan tingkat harga. Namun, aspek kecekapan firma menjana hasil melalui aset yang dimiliki (ROA) dan TAT berperanan negatif dan signifikan ke atas keuntungan firma. Ini bermakna pembelian aset bukan salah satu faktor penting untuk meningkatkan keuntungan firma di pasaran insurans am di Malaysia.

Deregulasi yang berlaku di pasaran insurans am oleh BNM turut mempunyai tujuan memastikan setiap firma insurans am tidak mengalami kerugian di pasaran setiap tahun. Daripada keputusan kajian yang telah dijalankan wujud hubungan positif antara deregulasi oleh BNM ke atas keuntungan firma di pasaran. Oleh itu, peranan atau campur tangan BNM untuk memastikan kegagalan pasaran insurans am di Malaysia amat penting dan perlu diteruskan.

NOTA AKHIR

- ¹ Contoh penukaran nama syarikat seperti firma MAA ditukar kepada Zurich pada tahun 2012.
- ² Masalah Dead weight Loss (DWL) akan wujud sekiranya wujud firma monopoli di pasaran (Perloff 2014).

RUJUKAN

- Bajtelsmit, V.L. & Bouzouita, R. 1998a. Market structure and performance in private passenger automobile insurance. *The Journal of Risk and Insurance* 65(3): 503-514.
- Bank Negara Malaysia (1970 – 2012) *Laporan Tahunan Insurans*. Ultimate Print Sdn. Bhd.
- Berger, A.N. 1995. The profit-structure relationship in banking: Tests of market-power and efficient-structure hypotheses. *Journal of Money, Credit and Banking* 27(2): 404-431.
- Boonyasai, T., Grace, M. & Skipper, H. 2002. The effect of liberalization and deregulation on life insurer efficiency. Center for Risk Management and Insurance Research Working Paper 02(2). Georgia State University, Atlanta.U.S.
- Brockett, P.L., Ray E.C., Rousseau, J.J., & Yang, C. 2004. A comparison of HMO efficiencies as a function of provider autonomy. *The Journal of Risk and Insurance* 71(1): 1-19.
- Choi, P.B. & Weiss, M.A. 2005. An empirical investigation of market structure, efficiency, and performance in property-liability insurance. *Journal of Risk and Insurance* 72(4): 635–673.
- Clarke R., Stephen D. & Waterson M. 1984. The profitability-concentration relation: Market power or efficiency. *The Journal of Industrial Economics* 32(4): 435-450.
- Cummins, J.D. & Weiss, M.A. 2000. Analyzing firm performance in the insurance industry using frontier efficiency methods. In *Handbook of Insurance Economics*, edited by G. Dionne, 767-829. Boston, MA: Kluwer Academic Publishers.
- Cummins, J.D. & Weiss, M.A. 2004. Consolidation in the European insurance industry: Do mergers and acquisitions create value for shareholders? Available at <http://ssrn.com/abstract=558044> or <http://dx.doi.org/10.2139/ssrn.558044>
- Demsetz, H. 1973. Industry structure, market rivalry, and public policy. *Journal of Law and Economics* 16: 1 -9.

- Diacon, S.R., Starkey, K. & O'Brien, C.D. 2002. Size and efficiency in European long-term insurance companies: An international comparison. *Geneva Papers on Risk and Insurance: Issues and Practice* 27: 444–66.
- Erlangung. 2008. *Effects of liberalization and deregulation in the German insurance market: essays on distribution channel structures, efficiency and market performance*. Dissertotion of der Wirtschafts- und Sozialwissenschaftlichen Fakultat, der Universitat Rostock.
- Evanoff, D.D. & Fortier, D.L. 1988. Reevaluation of the structure-conduct-performance relationship in banking. *Journal of Financial Services Research* 1: 277-294.
- Fenn, P., Vencappa, D., Diacon, S., Klumpes, P. & O'Brien, C. 2008. Market structure and the efficiency of European insurance companies: A stochastic frontier analysis. *Journal of Banking and Finance* 32(1): 86–100.
- Jeungbo, S. 2007. Capital allocation and the price of insurance: Evidence from the merger and acquisition activity in the US property-liability insurance industry. Department of Risk Management and Insurance Paper. Georgia State University Atlanta.
- Klumpes, P.J.M. 2007. Consolidation and efficiency in the major European insurance markets. Working Paper. Imperial College, London.
- Mustazar, M. 2011. Analisis deskriptif prestasi dan kecekapan industri insurans di Malaysia pada tahun 1982 hingga 2009. *Prosiding Persidangan Kebangsaan FEP 2011* 6(2): 434-443.
- Mustazar, M. & Rizaudin, S. 2010. Analisis struktur-gelagat-prestasi terhadap industri insurans di Malaysia. *Prosiding Persidangan Kebangsaan FEP UKM 2010* 5(1): 256-262.
- Rossazana Ab-Rahim, Farhana Ismail & Nur-Zaimah Ubaidillah. 2013. Market structure and competition in Asian banking. *The Asian Economic Review: Journal of the Indian Institute of Economics* 55(2): 243-256.
- Shri Dewi S., Nor Ghani Md Nor & Zainuddin A. 2004. Advertizing, concentration and profitability in Malaysia manufacturing revisited: A simultaneous equation approach. *International Journal of Management Studies* 11(2): 63-72.
- Ward, D. & Zurbruegg, R. 2002. Law, politics and life insurance consumption in Asia. *The Geneva Papers on Risk and Insurance* 27(3): 395-412.
- Weiss M.A. & Choi B.P. 2008. State regulation and the structure, conduct, efficiency and performance of US auto insurers. *Journal of Banking & Finance* 32: 134-156.

Mustazar Mansur (penulis koresponden)
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA
E-Mel: mustazar@ukm.edu.my

Alias Radam
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang, Selangor, MALAYSIA
E-Mel: alias@econ.upm.edu.my

Nor Ghani Mohd Nor
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA

E-Mel: norghani@ukm.edu.my

Rizaudin Sahlan
Kolej Sastera dan Sains
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok, Kedah, MALAYSIA
E-Mel: riz@uum.edu.my

Yuslindal Yaakub
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA
E-Mel: yuslindalyaakub1976@gmail.com.my

GALLEY PROOF